

# Mengandungi kadmium punca barah

**Kuala Lumpur:** Air lelehan dari celahan batu yang diminum tanpa dimasak boleh memudaratkan kesihatan jangka panjang termasuk mendapat kanser disebabkan pencemaran yang bukan saja akibat daripada aktiviti manusia berhampiran punca air, sebaliknya juga berlaku secara semula jadi.

Pakar Kesihatan Persekitaran dan Toksikologi, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) Prof Madya Dr Mohd Hasni Jaafar berkata, penemuan itu diperolehi hasil daripada satu kajian kuantitatif pelajar Sarjana Kesihatan Masyarakat, Fakulti Perubatan UKM tahun lalu.

"Hasil kajian di tujuh lokasi yang menjadi tumpuan segelintir rakyat negara ini mengambil air lelehan percuma ini yang kononnya dikatakan berkhasiat atau mujarab merawat penyakit tertentu mendapati, ia sebenarnya mempunyai kandungan kadmium yang lebih tinggi daripada dibenarkan.

"Lebih teruk, ia boleh mendatangkan penyakit kanser, buah pinggang, urat saraf dan otak kerana bahaya di dalamnya yang tidak sesuai untuk digunakan sebagai minuman ataupun di dalam masakan," katanya ketika dihubungi Metroplus, di sini.

Menurut beliau, kadmium adalah bahan penyebab kanser yang boleh mendatangkan pelbagai masalah ketumbuhan dalam sistem badan manusia selepas tempoh antara 15 hingga 20 tahun akan datang.